

05 NOV 2002

Mahkamah-Buniyamin (Bergambar)

PENDAKWA BELUM PUTUSKAN UNTUK PANGGIL DR MAHATHIR SEBAGAI SAKSI

KOTA BAHARU, 5 Nov (Bernama) -- Pihak pendakwaan belum membuat keputusan sama ada akan memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pada perbicaraan kes Pegawai Penerangan PAS Kelantan Buniyamin Yaacob yang didakwa memfitnah Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucunya.

Timbalan Pendakwa Raya Nordin Hassan ketika memberitahu demikian kepada Mahkamah Sesyen di sini hari ini, berkata setakat ini isu untuk memanggil Perdana Menteri sebagai saksi tidak timbul.

"Biarkan kita (pendakwa) buktikan kes hingga akhir pendakwaan," katanya menjawab soalan peguam tertuduh Karpal Singh adakah Perdana Menteri akan dipanggil sebagai saksi untuk membuktikan bahawa beliau memberikan kenyataan sebagaimana yang disiarkan dalam artikel bertajuk "Masyarakat bimbang" yang disiarkan oleh akhbar Berita Minggu pada 15 Julai 2001.

Perdana Menteri antaranya dilaporkan berkata: "Malah kita dapati pengedaran bahan lucu sekarang ini berleluasa dan budak-budak peringkat dewasa pun sudah dapat bahan-bahan ini. Yang ini saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri, dia cerita apa yang dia tengok.

"Saya agak terkejut macam mana dalam tadika pun mereka sudah dapat ini" kata Perdana Menteri.

Artikel itu dibacakan oleh wartawan Berita Harian, Kadir Dikoh semasa memberi keterangan sebagai saksi kedua dalam perbicaraan yang bermula hari ini.

Buniyamin, 56, yang kelihatan uzur dengan keadaan duduk membongkok sambil memegang tongkat di kerusi dalam kandang tertuduh, didakwa melakukan kesalahan itu melalui pertuturan di dalam ceramah di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan di sini, antara pukul 10 malam dan 11.30 malam pada 15 Mac lepas.

Dalam pertuduhan itu, beliau didakwa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tomahan tersebut akan merosakkan nama baik Dr Mahathir.

Buniyamin yang juga bekas anggota Parlimen Bachok didakwa mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Nordin berkata pihak pendakwa akan menentukan siapakah saksi-saksi yang akan dipanggil untuk memberi keterangan dalam kes berkenaan.

Sementara itu, Kadir, 42, memberitahu mahkamah bahawa berita mengenai ucapan Perdana Menteri itu diperolehinya semasa Sesi Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya pada 14 Julai 2001.

Beliau berkata apa yang dicatatkan dalam artikel itu benar-benar disebut oleh Dr Mahathir.

Katanya tidak ada permintaan dibuat untuk memperbetulkan artikel berkenaan setelah ia disiarkan oleh Berita Minggu.

Selain menulis dalam buku nota, ucapan Perdana Menteri itu turut dirakam menggunakan pita rakaman, katanya.

Saksi pertama, Kamarul Bahrin Awang, 37, memberitahu beliau membuat laporan polis pada 30 Julai 2002 berkaitan Buniyamin menuduh Perdana Menteri dan menonton video lucu bersama cucunya.

Kamarul Bahrin, Pembantu Pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berkata beliau membuat laporan polis itu tanpa arahan daripada sesiapa.

Bagaimanapun, perbicaraan itu terpaksa ditangguhkan ketika saksi ketiga Editor Berita Minggu Zainuddin Ayip hendak memberikan keterangannya apabila kesihatan Buniyamin didapati tidak mengizinkan.

Hakim Azman Abdullah menetapkan 28 hingga 31 Dis depan untuk sambung semula perbicaraan berkenaan.

Nordin turut dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya Azmi Ariffin dan Dzul kifli Ahmad manakala Karpal dibantu oleh Ramkarpal Singh dan Wan Jawahir Harun bertindak sebagai peguam pemerhati bagi pihak PAS Kelantan.

-- BERNAMA

BD RAR RHM